

9 September 2014

# 70 produk penyelidikan UPM dipaten, bawa hasil RM39.5 juta

**PRODUK** hasil penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) menempa sejarah apabila berjaya dikomersialkan dalam pelbagai bidang dengan nilai sebanyak RM39.5 juta.

Pendapatan itu adalah hasil 70 harta intelek daripada 1,500 ciptaan yang telah dipatenkan.

Antara hasil penyelidikan yang telah dikomersialkan ialah mi rendah lemak daripada kacang soya dan sisa sawit bagi tujuan penghasilan pelbagai produk seperti gula dan polimer.

Kejayaan tersebut telah mencatatkan UPM sebagai universiti penyelidikan yang paling banyak

menjana pendapatan daripada hasil pengkomersialan produk-produk penyelidikan.

Nilai pendapatan tersebut boleh digandakan berdasarkan potensi serta kualiti penyelidikan menerusi peranan jabatan bertanggungjawab iaitu Putra Science Park.